

## **KEBERKESANAN PROGRAM MYAGROSIS ANJURAN FAMA DALAM KALANGAN PELAJAR UiTM JASIN**

**Norzaimah Zainol<sup>1</sup> , Nurulhayah Muhamad<sup>2</sup> & Ahmad Hilmi Muhamad Yusuf<sup>3</sup>**

<sup>1,2</sup> Pensyarah Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

<sup>3</sup> Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan), Kolej Universiti Islam Melaka.

### **ABSTRAK**

Program MyAgrosis merupakan program yang diwujudkan oleh kerajaan bagi memberi ruang kepada mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk menceburi bidang keusahawanan. Banyak manfaat kepada mahasiswa melalui program ini seperti bantuan kewangan, latihan dan kemahiran dalam usaha menjadi usahawan tani yang berjaya. Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor bantuan kewangan, kemahiran, dan minat dalam menentukan keberkesanan program MyAgrosis di bawah FAMA di UiTM Jasin, Melaka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu pengumpulan maklumat yang melibatkan seramai 74 responden dalam kalangan pelajar IPT yang menyertai program MyAgrosis. Kajian ini menggunakan kaedah Regresi, Korelasi dan Deskriptif untuk mencapai objektif kajian serta menggunakan perisian SPSS versi 22 untuk menjalankan analisis tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua faktor iaitu bantuan kewangan, kemahiran dan minat mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu keberkesanan program MyAgrosis secara signifikan.

**Kata Kunci:** *Bantuan Kewangan, Kemahiran, Minat, Keberkesanan Program MyAgrosis*

## **THE RELATIONSHIP BETWEEN ORGANISATIONAL COMMITMENT, EMPLOYEE MOTIVATION AND EMOTIONAL INTELLIGENCE ON PRODUCTIVITY**

### **ABSTRACT**

The MyAgrosis Program is a program created by the government to provide opportunity for students of Higher Education Institution (HEI) to involve in entrepreneurship. Students will gain many benefits through this program including financial support, skills and interest in the order to be a successful agro-preneur. This study aims to identify financial support, skills and interest factors in determining the effectiveness of the MyAgrosis program under FAMA at UiTM Jasin, Melaka. This study uses a quantitative method which the process of collecting information involving 74 respondents, among the HEI students that joined this program. This study uses the Regression, Correlation and Descriptive methods to achieve the objectives of the study and to use SPSS version 22 software to carry out the analysis. The findings show that all the factors which are financial support, skills and interest affecting independent variables, the effectiveness of MyAgrosis program significantly

*Keywords: Financial Support, Skills, Interests, Effectiveness of MyAgrosis Program*

### **PENGENALAN**

Menurut Kamus Dewan (1984), perkataan usaha merupakan perkataan asal bagi usahawan dan yang dimaksudkan dengan usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan perbuatan untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu. Definisi usahawan yang dikemukakan oleh Peter Drucker (1996) yang bergelar "bapa pengurusan" di negara barat mendefinisikan usahawan sebagai seorang yang berupaya memindahkan sumber ekonomi daripada sektor yang kurang daya produktiviti kepada sektor yang lebih tinggi daya produktiviti.

Di Malaysia pembangunan usahawan bermula melalui rancangan kerajaan yang mewujudkan beberapa dasar dalam proses membangunkan negara seperti Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Negara (1990-2000) dan Wawasan 2020. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirancang oleh kerajaan bermatlamat untuk mengurangkan perbezaan ekonomi, sosial, kebudayaan, penempatan dan sebagainya dengan tujuan mewujudkan perpaduan negara. Strategi pelaksanaan dasar ini adalah melalui strategi serampang dua mata iaitu dengan membasmi kemiskinan dan dalam masa yang sama menyusun kembali masyarakat Malaysia. Dalam strategi menyusun kembali masyarakat Malaysia, kerajaan telah merangka satu strategi dengan membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang Melayu dan kaum Bumiputera supaya dapat membentuk dan memiliki 30% ekonomi dalam tahun 1990 dan menubuhkan beberapa agensi seperti MARA, Bank Pembangunan, Bank Bumiputera, Amanah Saham Nasional. Rancangan ini bertujuan memberikan peluang kepada kaum melayu dan bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan dan mampu bersaing dengan kaum lain dalam ekonomi.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agricultural Marketing Authority atau FAMA) merupakan sebuah agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. FAMA telah ditubuhkan pada 30 september 1965 dan bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta produk-produk industri asas tani. Bagi memacu sektor pemasaran domestik dan antarabangsa, FAMA berperanan dalam pemasaran hasil produk agromakanan dan meningkatkan pendapatan pengeluaran. FAMA juga berperanan dalam memastikan produk pertanian dan industri asas tani tersedia dan boleh diperolehi pada harga yang mampu dibayar oleh pengguna.

Antara usaha yang dijalankan oleh FAMA dalam mewujudkan ruang kepada mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan ialah dengan mengadakan kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam mewujudkan Kelab Usahawan Graduan Pertanian atau lebih dikenali sebagai kelab MyAgrosis. MyAgrosis juga akan berpotensi membawa institusi pengajian tinggi negara agar menjadi teras pengeluaran makanan negara serta membantu negara dalam menangani masalah kekurangan import makanan. Program ini juga diyakini dapat meningkatkan lagi penjualan hasil pertanian negara agar tidak berlakunya

pembaziran hasil. Hasil idea penubuhan MYAGROSIS turut membawa jalinan kerjasama diantara bagi membolehkan proses pemindahan teknologi pertanian adalah mengikut kepakaran jabatan/agensi (mentor) di dalam MOA kepada para mahasiswa yang sedang menuntut di IPTA ke arah menjadi usahawantani moden.

MyAgrosis atau Kelab Usahawan Graduan Pertanian, telah dilancarkan pada hari Sabtu, 17 Disember 2011 oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak. Objektif utama program ini bertujuan untuk melahirkan generasi usahawan siswazah tani moden kreatif yang mengamalkan pelbagai kaedah teknologi moden untuk mencapai pendapatan tinggi dibidang perniagaan tani selain meningkatkan produktiviti pengeluaran dan pemasaran pertanian selaras untuk memenuhi keperluan makanan rakyat di negara ini yang kian meningkat berasaskan konsep penggantian import dan berorientasikan eksport. Kesedaran terhadap kepentingan pertanian sebagai enjin ketiga kepada ekonomi negara memerlukan golongan belia dalam menjamin kesinambungan kepentingan sektor ini. Sejalan dengan matlamat 'Wawasan 2020', keperluan untuk menjana golongan belia yang berilmu sebagai pelapis dan peneraju dalam merealisasikan transformasi pertanian kearah sektor yang lebih moden dan berteknologi tinggi telah menjadi titik tolak kepada penubuhan program MyAgrosis. Program ini berperanan sebagai pemangkin kepada proses percambahan minat dan penglibatan siswa-siswi di Univesiti Awam, Politeknik dan Kolej Vokasional dalam projek-projek Agropertanian melalui Kelab MYAGROSIS. Pemupukan minat, kecenderungan dan penglibatan terus golongan graduan/siswazah ini sebagai pelapis dan pewaris dalam sektor ini akan dapat meneruskan proses transformasi pertanian kearah sektor yang lebih moden, berteknologi tinggi, dinamik dan berdaya saing secara global. Langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia ini iaitu dengan mewujudkan program MyAgrosis ini diyakini dapat meningkatkan lagi keberhasilan dalam melonjakkan lagi jualan produk hasil tani negara.

Pengangguran dalam kalangan siswazah merupakan salah satu isu yang sering dibincangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Penubuhan lebih banyak Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) oleh kerajaan dan penyertaan pihak swasta dalam sektor pendidikan memberi impak ke atas pembangunan dan perubahan negara. Perkembangan yang berlaku menyebabkan jumlah tenaga kerja negara meningkat dalam pasaran pekerjaan sehingga menyebabkan berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan. Yang nyata, belia yang berpendidikan tertiar merupakan kumpulan yang lebih besar dalam kelompok belia yang menganggur (23% daripada jumlah keseluruhan belia yang menganggur). Apa yang membimbangkan ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi, pada 15.3%, berbanding belia yang tidak berpendidikan tertiar iaitu 9.8% (Laporan Tahunan BNM, 2016). Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, kadar pengangguran siswazah pada 2019 kekal 3.9 peratus dengan 170.3 ribu penganggur siswazah. Siswazah yang aktif mencari pekerjaan merangkumi 74.8 peratus (127.4 ribu orang). Dari jumlah ini, lebih daripada 80 peratus menganggur bagi tempoh kurang daripada enam bulan manakala hanya 8.1 peratus menganggur bagi tempoh 12 bulan dan lebih.

Sejak tahun 1997 isu pembangunan keusahawanan mula menjadi perhatian rakyat Malaysia. Ini kerana pembangunan bidang keusahawanan menjadi keperluan dan permintaan kepada masyarakat pada masa kini kerana peluang pekerjaan semakin terhad disebabkan oleh ekonomi negara mengalami kemelesetan, serta kos percukaian di Malaysia yang semakin meningkat. Maka dengan itu syarikat-syarikat besar juga amat terasa dengan peningkatan kos bahan mentah yang menyebabkan syarikat-syarikat tersebut tidak mampu untuk membuka peluang pekerjaan, malah terdapat syarikat yang sudah mula memberhentikan pekerja mengikut tahap kestabilan pengurusan syarikat (Tengku Maaida & Nor Aishah Buang, 2016). Sehubungan itu, kerajaan telah berusaha memperluaskan lagi program keusahawanan dengan sasaran seramai 150,000 usahawan, termasuk 65,000 orang pelajar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9. Untuk tempoh ini, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan (MeCD) telah memperuntukkan sebanyak RM 19.7 juta (Berita Harian, 10 Januari 2009) dengan tujuan mencapai matlamat tersebut. Beberapa kementerian, khususnya MeCD telah merangka strategi pembangunan usahawan seperti pembiayaan, latihan dan bimbingan galakan pemasaran dan penyelidikan. Ibrahim Mamat 2009 mencadangkan peranan siswa untuk memahami konsep dan ilmu keusahawanan dalam program Keusahawanan (PPUS) sebagai inisiatif pekerjaan dalam membasmi kemiskinan, meningkatkan kualiti hidup rakyat, mengawal inflasi dan memecah monopoli dalam negara (Institut Keusahawanan Negara, 2004).

Objektif kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji sama ada :

- i. Faktor bantuan kewangan mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis
- ii. Faktor kemahiran mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis
- iii. Faktor minat mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Minat**

Menurut kajian Suhaila, Shakina dan Nuzul (2016) kajian yang dijalankan oleh Norasmah et. al (2007) menyatakan menyemai minat dan melatih pelajar dalam bidang keusahawanan amat penting dilakukan dari peringkat awal dan ia telah dibuktikan melalui banyak kajian lepas dan teori-teori serta model keusahawanan yang menunjukkan bahawa pendedahan ilmu keusahawanan dari bangku sekolah lagi memberikan impak atau kejayaan dalam pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohammad Rezal dan rakan-rakannya (2009) pembentukan minat dan kecenderungan golongan muda untuk terlibat dalam keusahawanan berimpak daripada pendidikan keusahawanan yang telah disediakan oleh IPTA telah diiktiraf sebagai wadah atau kaedah kepada pembentukan minat dan kecenderungan golongan muda untuk terlibat dalam keusahawanan.

### **Bantuan Kewangan**

Menurut kajian yang dijalankan oleh Nurmaizura et. al (2017) aspek yang paling rumit dalam memulakan perniagaan ialah pembiayaan modal (Ang, 1991; Ang, 1992). Punca utama sebuah perusahaan kecil gagal adalah disebabkan Kekurangan pembiayaan. Hal ini demikian kerana seseorang usahawan kecil tidak mampu untuk membeli dan menyenggarakan kemudahan, mengambil pekerja, menghasilkan dan memasarkan produk sekiranya tidak mempunyai pembiayaan yang mencukupi (Megginson, 2000). Menurut Norsidah (1999) melalui kajiannya yang berkaitan dengan menyatakan bahawa faktor kecukupan saiz modal mempunyai hubungan yang positif dengan kejayaan sesebuah perniagaan. Menurut Rohaizat (2000) kajian yang telah dijalankan oleh Lussuer terhadap seratus orang usahawan Amerika Syarikat yang telah gagal dalam perniagaan mereka menunjukkan bahawa mereka gagal akibat dari faktor kekurangan modal, kos tetap yang tinggi dan masalah kemelesetan ekonomi.

### **Kemahiran**

Menurut kajian oleh Faradillah dan Samsudin (2016) kajian yang telah dijalankan oleh Syed Shah Alam et al. (2011) ramai usahawan wanita mempunyai kemahiran berniaga yang mendorong kepada kejayaan dan beliau juga mendapati bahawa usahawan wanita sememangnya tidak berhadapan dengan kekangan kemahiran dalam menjalankan perniagaan mereka. Kemahiran merancang dalam keusahawanan merupakan faktor kritikal kerana ia membantu usahawan merancang dan mengurangkan masalah perniagaan secara strategik kerana dapatan dari kajian ini konsisten dengan penemuan kajian oleh Azmi, Nik Hairi dan Lee (2012). Ini menunjukkan bahawa bagi seorang usahawan dalam membentuk dan memperkembangkan perniagaan mereka faktor kemahiran berkaitan keusahawanan adalah sangat penting.

### **Keberkesanan Program**

Menurut kajian yang dijalankan oleh Tengku Maaidah dan Nor Aishah (2016) program keusahawanan di Malaysia telah dirangka semenjak tahun 1970-an melalui pengubalan Dasar Ekonomi Baru oleh kerajaan. Perangkaan program bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputra. Dalam Tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 kerajaan telah memperluaskan program keusahawanan dengan meletakkan sasaran seramai 150,000 usahawan, termasuk 65,000 orang pelajar. Dalam tempoh tersebut, Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia MeCD telah memperuntukkan sebanyak RM 19.7 juta (Berita Harian, 10 Januari 2009) yang bertujuan mencapai matlamat tersebut. Beberapa kementerian, khususnya MeCD telah merangka strategi pembangunan usahawan seperti pembiayaan, latihan dan bimbingan, galakan pemasaran dan penyelidikan. Strategi pembangunan usahawan seperti

pembiayaan, latihan dan bimbingan, galakan pemasaran dan penyelidikan telah dirangka oleh MeCD dan beberapa kementerian lain.

Ibrahim Mamat (2009) mencadangkan, sebagai inisiatif pekerjaan dalam membasmi kemiskinan, meningkatkan kualiti hidup rakyat, mengawal inflasi dan memecah monopoli dalam negara, mahasiswa perlu memainkan peranan dalam memahami konsep dan ilmu keusahawanan dalam program Keusahawanan (PPUS), (Institut Keusahawanan Negara, 2004). Namun begitu Ibrahim Mamat mendapati bilangan siswa yang menjadi usahawan adalah sangat rendah, dan ini menjadikan matlamat kerajaan tidak tercapai. Menurut Hills (1988) penghayatan dan persepsi baik di kalangan ahli akademik dan pentadbir universiti mempengaruhi keberkesanan program keusahawanan di universiti. Oleh itu, para pentadbir perlu meminta siswa membuat kajian tentang keusahawanan dan para pentadbir juga perlu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya yang baik untuk para graduat.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat adalah melalui kaedah borang kaji selidik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana akan keberkesanan program MyAgrosis iaitu salahsatu program di bawah FAMA dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. Faktor yang dikaji dalam kajian ini terdiri daripada tiga faktor iaitu faktor bantuan kewangan, faktor kemahiran, dan faktor minat. Berdasarkan persampelan ini, mengikut formula Tabachnick dan Fidell (2007), jumlah sampel yang diperlukan adalah melebihi 74 orang responden dikalangan ahli kelab MyAgrosis di UiTM Jasin. Pemilihan lokasi ini disebabkan UiTM Jasin merupakan salah satu IPT di negeri Melaka yang mempunyai Program MyAgrosis ini yang berada dibawah kendalian FAMA. Pengkaji juga menggunakan analisis deskriptif, analisis kolerasi dan analisis regrasi dalam kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

Jadual 1 : Maklumat Demografi

	Profil	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	32	43.2
	Perempuan	42	56.8
	Jumlah	74	100.0
Umur	18 - 21 Tahun	23	31.1
	22 - 24 Tahun	44	59.5
	25 Tahun ke atas	7	9.5
	Jumlah	74	100.0

Jadual 1 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina dan umur pelajar di institusi tersebut. Di dalam keputusan kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang terlibat dalam program ini adalah pelajar Perempuan iaitu sebanyak 56.8 peratus dan kebanyakan pelajar adalah berumur di antara 22 hingga 24 tahun iaitu seramai 44 orang.

### **Analisis Korelasi**

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji iaitu hubungan antara faktor yang mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis di bawah FAMA dalam kalangan pelajar UiTM Jasin. Hasil dapatan dari kajian ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor bantuan kewangan, faktor kemahiran dan faktor minat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu keberkesanan program MyAgrosis.

Jadual 2 : Korelasi pemboleh ubah dengan Keberkesanan Program MyAgrosis

Pemboleh ubah	<i>r</i>	<i>p</i>
---------------	----------	----------

Bantuan Kewangan	0.668*	0.000
Kemahiran	0.774**	0.000
Minat	0.787**	0.000

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara bantuan kewangan dengan keberkesanan program MyAgrosis iaitu dengan nilai korelasi koefisien  $r=0.688$ ,  $p=0.000$ . Berdasarkan jadual kekuatan Albert Davis (1971), menunjukkan hubungan antara faktor bantuan kewangan dengan keberkesanan program MyAgrosis adalah kuat. Korelasi hubungan antara pemboleh ubah adalah positif dimana semakin tinggi bantuan kewangan, semakin tinggi keberkesanan program MyAgrosis.

Selain itu terdapat juga hubungan yang signifikan antara faktor kemahiran dengan korelasi koefisien yang bernilai  $r= 0.774$ ,  $p=0.000$ . Berdasarkan nilai yang diperolehi menunjukkan hubungan antara kemahiran dengan keberkesanan program adalah sangat kuat. Hasil kajian juga mendapati hubungan antara faktor minat dengan keberkesanan program adalah signifikan dengan hasil kajian yang menunjukkan nilai korelasi koefisien yang bernilai  $r = 0.787$ ,  $p=0.000$ . Berdasarkan nilai yang diperolehi menunjukkan hubungan antara minat dengan keberkesanan program MyAgrosis adalah sangat kuat.

### Analisis Regresi

Analisis regresi digunakan untuk menguji kesan bantuan kewangan, kemahiran dan minat terhadap keberkesanan program MyAgrosis di bawah FAMA di UiTM Jasin.

Jadual 3 : Analisis Regresi

Pembolehubah Bersandar	Pembolehubah Tidak Bersandar	$\beta$	Beta	T	Sig.
Keberkesanan Program MyAgrosis	Konstan	-0.126		-0.382	0.704
	Bantuan Kewangan ( $X_1$ )	0.275	0.237	2.599	0.011
	Kemahiran ( $X_2$ )	0.273	0.264	2.263	0.027
	Minat ( $X_3$ )	0.474	0.438	4.240	0.000
$R^2$	0.712				
F	57.745				
Sig F	0.000				

Hasil dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 3 menunjukkan 71.2% ( $R^2 = 0.712$ ) faktor bantuan kewangan, kemahiran, dan minat menerangkan mengenai keberkesanan program MyAgrosis. Jadual 3 juga menunjukkan bahawa F-statistik ( $F=57.745$ ) dan nilai p yang signifikan (0.000) atau lebih kecil daripada nilai Alpha 0.01. Ini menunjukkan bahawa cerun garis linear model ini dianggarkan tidak sama dengan sifar mengesahkan bahawa data kajian sesuai dengan tiga model ramalan regrasi linear yang ditunjukkan dalam kajian.

Merujuk kepada analisis regrasi, keberkesanan program MyAgrosis mempengaruhi kesemua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu bantuan kewangan, kemahiran, dan minat. Berdasarkan kajian ini juga hubungan antara keberkesanan program MyAgrosis dipengaruhi oleh faktor bantuan kewangan, kemahiran, dan minat dapat dijelaskan menggunakan analisis regrasi yang dinyatakan melalui persamaan linear seperti berikut:

$$Y = -0.126 + 0.275(X_1) + 0.273(X_2) + 0.474(X_3)$$

Di mana,

Y adalah Keberkesanan Program MyAgrosis

$X_1$  adalah Faktor Bantuan Kewangan

$X_2$  adalah Faktor Kemahiran

$X_3$  adalah Faktor Minat

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika satu unit bantuan kewangan meningkat keberkesanan program MyAgrosis juga meningkat sebanyak 0.275. Seterusnya, jika unit kemahiran meningkat

maka keberkesanan program MyAgrosis juga akan meningkat sebanyak 0.273. Manakala bagi peningkatan minat pula akan akan meningkatkan keberkesanan program MyAgrosis sebanyak 0.474. Hasil kajian ini sekaligus menyokong faktor bantuan kewangan, faktor kemahiran, dan faktor minat dapat mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis di bawah FAMA dalam kalangan mahasiswa UiTM Jasin.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor minat merupakan faktor yang paling mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis dan semakin bertambah minat seseorang mahasiswa maka akan semakin tinggi keberkesanan program MyAgrosis. Ini kerana dengan minat yang mendalam untuk menjadi seorang usahawan akan menyebabkan seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh agar dapat menjadi usahawan. Cadangan bagi menarik minat graduan dengan program keusahawanan ini ialah dengan mengadakan program yang menjemput usahawan berjaya bagi tujuan untuk memberikan tunjuk ajar . Program ini bertujuan untuk menambah pengetahuan mahasiswa dalam bidang keusahawanan iaitu dengan melantik beberapa orang usahawan yang sudah lama berkecimpung dalam bidang keusahawanan ini. Dengan mewujudkan program ini akan dapat mengelakkan berlakunya kegagalan dalam perniagaan yang dijalankan kerana mereka dipantau oleh mereka yang berpengalaman. Selain itu, dalam menambahkan lagi kemahiran mahasiswa yang menyertai program MyAgrosis ini ialah dengan mengadakan kursus-kursus profesional bagi meningkatkan lagi kemahiran sedia ada. Antara kursus yang dicadangkan ialah kursus pengurusan, kursus berkaitan pengurusan kewangan dan sebagainya. Kursus-kursus ini akan menjadikan mereka mampu untuk menguruskan perniagaan mereka sendiri pada masa akan datang dan lebih bersedia pada masa akan datang dalam menceburi bidang keusahawanan.

Seterusnya, bantuan kewangan merupakan antara faktor terpenting dalam mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis dan semakin banyak bantuan kewangan yang diberikan kepada mahasiswa, maka akan semakin berkesan program MyAgrosis. Hal ini demikian kerana bantuan kewangan yang cukup dapat memudahkan urusan mahasiswa untuk menjalankan perniagaan dan mengekalkan kompetensi seseorang itu dalam perniagaan. Faktor kemahiran juga menunjukkan hubungan yang positif diantara kedua-dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dan ini menunjukkan bahawa faktor kemahiran juga merupakan faktor penting dalam mempengaruhi keberkesanan program MyAgrosis.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz, A.L., Mohd Abdullah, J., Mohd Azlan, Y., Osman, J. & Syahira, H.. (2011). *Asas Keusahawanan dan Pengurusan Pemiagaan Kecil dan Sederhana*. Pengkalan Chepa : Universiti Malaysia Kelantan.
- Azmi, A. M., Nik Hairi, O. & Lee, K. Y.. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *E-Bangi Journal of Human Sciences and Humanities*, 7(1): (34–45)
- Dian Hikmah, M. I. & Mohd Zaidi, M..(2016). Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar. *Laporan Tahunan BNM 2016*. (109-117)
- FAMA (2018). Latar Belakang FAMA. <http://www.fama.gov.my/web/pub/latar-belakang1>
- Faradillah, I. O. & Samsudin, A. R. (2016). Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Dalam Talian: Suatu Tinjauan Awal. *Malaysian Journal of Communication*: (21-36)
- Hills, G.E. (1988). Variations in university entrepreneurship education: an empirical study of an evolving field. *Journal of Business Venturing* Vol. 3 No. 1. (109-122).
- Ibrahim, M., Wan Mohd Zaifurin, W. N. (2009). Nilai, sikap dan amalan pegawai kanan institut pengajian tinggi terhadap program pembangunan usahawan siswa.
- Malaysia. (1970). Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971 – 1990
- Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN). 2010. Model Baru Ekonomi untuk Malaysia. Putrajaya: Majlis Penasihat Ekonomi Negara.
- Mohammad Rezal, H., Ku Amir, K. D., Narimah, I., Norizah, A., Norshahrizan, N. (2009). Tahap Pengetahuan dan Minat Pelajar Universiti Malaysia Perlis Terhadap Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan ke Arah Pembentukan Teknousahawan. *Seminar Kebangsaan Pembangunan Keusahawanan, UKM* (1-10)
- MyAgrosis (2016) Pengenalan MyAgrosis (06 Januari 2016). <http://www.myagrosis.gov.my/index.php/info-am/pengenalan.html>
- Norsidah, A. (1999). Factors Affecting Business Performance of Malay Women Entrepreneurs in the Klang Valley. *Master's Thesis. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*.
- Nurmaizura, Solehuddin, Hairunnizam (2017). Keberkesanan Bantuan Modal Perniagaan Terhadap Usahawan Asnaf Dalam Konteks Maqasid Al-Syari'ah: Kajian Di Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. *Prosiding Perkem 12*: (131 – 141).
- Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Statistik Siswazah, 2019. <https://www.mohe.gov.my/en/media-mohe/press-statement/1336-statistik-siswazah-2019>
- Ratnawati, Y. S. (2009). Pertanian Kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu: Tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan di Zon Utara, Semenanjung Malaysia terhadap prestasi program Pertanian Kontrak FAMA. *Malaysian Journal of Society and Space* 5 issue 1. (11 - 22).
- Rohaizat, B.. (Januari 2000). Kejayaan Para Usahawan Daripada Perspektif Penyelidikan. *Dewan ekonomi*.



- Siti Hajar, A. R., Maimunah, A. R. (2015). Keberkesanan Program Skim Latihan Graduan Bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Siswazah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*: (3-12).
- Sodri, A. (2008). *Edisi editorial, Universiti Teknologi MARA : Cabaran Memulakan Perniagaan*.
- Suhaila, N., Nur Shakina, M. S., Nuzul, A. B. (2016). *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah*
- Syed, S. A., Mohd Fauzi, M. J. & Nor Asiah, O. (2011). An empirical study of success factors of women entrepreneurs in Southern Region in Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 3(2): (166-175)
- Tengku, M., Nor Aishah, B. (2016). Keberkesanan Program Latihan Usahawan Mikro Dalam Membantu Usahawan Bumiputra Islam. *Jurnal Reflektika*: (59-69)
- Ummi, M. S., Aidatul, N., Mohamed Rizki, M., Wan Suraya, W. S. (2017). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Wanita Tekun: Satu Kajian di Daerah Hulu Langat. *International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*: (398-407)
- Wang, K. (2004). Entrepreneurial interest of university students in singapore. *Technovation* 24. (163-172).
- Zaidatol, A. L. P. & Habibah, E. (2004). Keupayaan Usahawan Bumiputera Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Kes. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities (JSSH)*. (61-70)